

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : KHAMIS, 19 JUN 2014

RUJUKAN : L11 [PR-1322-L62909]

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan pelan spesifik DBKL untuk menambah baik keadaan trafik di Kuala Lumpur setelah hasil satu kaji selidik pasaran oleh Frost & Sullivan mendapati 41 peratus daripada responden menyenaraikan kesesakan lalu lintas sebagai kekecewaan No. 1 mereka, melebihi purata Asia Pasifik pada 35 peratus dan purata global pada 29 peratus.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandar Tun Razak, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, statistik aliran trafik harian di rangkaian jalan raya di Kuala Lumpur 2010 mencatatkan secara purata terdapat 1.4 juta kenderaan yang menggunakan Lebuhraya Lingkaran Tengah 1 (MRR1) setiap hari. Manakala, sebanyak 2.2 juta kenderaan didapati menggunakan Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) setiap hari. Daripada jumlah tersebut sebanyak 70% adalah pengguna, dengan izin, *Single Occupancy Vehicle* (SOV) di waktu puncak sebelah pagi dan 65% di waktu puncak sebelah petang.

Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama masalah kesesakan, antaranya adalah peningkatan pertambahan pemilikan kenderaan yang tinggi iaitu 8% sehingga 12% setahun dari tahun 2006 ke 2010, ketidakseimbangan aliran keluar masuk kenderaan di waktu puncak, kadar peratus , dengan izin, *Single Occupancy Vehicle* yang tinggi dan kadar penggunaan pengangkutan awam yang rendah serta kekerapan insiden seperti kemalangan, banjir kilat, tanah runtuh dan pokok tumbang, aktiviti pembinaan dan acara-acara jalanan.

Berikutan itu, satu Pasukan Petugas Kesykesakan Lalu Lintas dan Tempat Letak Kereta Awam Wilayah Persekutuan telah diwujudkan pada Julai 2013. Pasukan ini telah mengadakan lab pada 23 hingga 24 September 2013, dan hasil dari lab tersebut, cadangan pelan tindakan **jangka pendek** yang boleh dilaksanakan dalam tempoh 1 hingga 6 bulan adalah seperti berikut:

- a) **Penyelenggaraan semula lorong belakang**, dengan izin, (*back lane*) khusus untuk aktiviti pemunggahan barang;
- b) **Meningkatkan pengurusan lampu isyarat** melalui sistem pemantauan berterusan dan penyambungan lampu isyarat ke pusat kawalan serta meluaskan, dengan izin, *Left Turn On Red*, berdasarkan kesesuaian lokasi dan, dengan izin, *contra flow*, pada waktu puncak;
- c) **Mengurangkan caj meletak kenderaan di**, dengan izin, ***Park and Ride***, dan memastikan tempat letak kenderaan di, dengan izin, *Park and Ride*, selamat melalui kawalan polis bantuan dan penggunaan CCTV. Langkah ini dilihat dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam serta meningkatkan keyakinan pengguna meletakkan kenderaan di, dengan izin, *Park and Ride*;

- d) **Meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya** terhadap ketidakpatuhan peraturan lalu lintas melalui kempen kesedaran di media sosial termasuk *Facebook, Twitter* dan sebagainya kepada bukan sahaja pemandu kenderaan persendirian bahkan kepada pemandu bas sekolah serta pemandu teksi;

- e) **Meningkatkan penguatkuasaan undang-undang** melalui tindakan tegas iaitu saman dan tunda ke atas pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan di tempat larangan; dan

- f) Kawalan oleh warden trafik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di simpang utama, jalan-jalan protokol dan kawasan, dengan izin, 'hot spot' yang telah dilaksanakan sekarang di waktu puncak perlu dipergiatkan lagi.

Pelan tindakan jangka pendek sedang dilaksanakan secara bersepadu oleh pihak yang berkaitan dan dijangka akan dapat mengurangkan masalah lalu lintas di Wilayah Persekutuan. Pelan tindakan jangka sederhana dan panjang sedang dikaji untuk pelaksanaan bagi penyelesaian secara komprehensif untuk mengurangkan masalah lalu lintas dan tempat letak kereta awam di Wilayah Persekutuan.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, adalah diakui bahawa pada masa ini aliran trafik di Kuala Lumpur kurang lancar disebabkan oleh lencongan-lencongan jalan serta penutupan sebahagian lorong untuk memberi laluan kepada beberapa projek terutamanya projek-projek menaik taraf pengangkutan awam serta disebabkan insiden-insiden seperti jalan dinaiki air, pokok tumbang dan kemalangan jalanraya.

Masalah lalulintas lebih ketara kelihatan semasa waktu puncak pagi dan puncak petang. Ia disebabkan oleh sebahagian besar jalan-jalan ini akan menjadi tepu apabila bilangan kenderaan melebihi kapasiti jalan yang sedia ada.

Pada masa lalu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sering menumpukan kepada pembinaan infrastruktur jalanraya bagi menambah kapasiti dan membina jalan hubungan baru bagi melengkapkan rangkaian jalanraya di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun pada masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengurangkan tumpuan kepada pembinaan infrastruktur jalanraya disebabkan oleh kekangan rezab jalan yang sempit, manakala tumpuan adalah kepada pembinaan infrastruktur sokongan kepada perkhidmatan pengangkutan awam.

Pembinaan infrastruktur yang dinyatakan adalah seperti pembinaan, dengan izin, *Park and Ride*, pembinaan Hentian Akhir Bandar, pembinaan Hentian Teksi dan Bas yang lebih selesa, membina rangkaian pejalan kaki berbumbung dan tidak berbumbung terutamanya dari stesen transit ke kawasan aktiviti, mengurangkan bilangan tempat letak kereta tepi jalan dan cadangan meningkatkan kadar bayaran tempat letak kereta tepi jalan. Ini bersesuaian dengan hala tuju masa depan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu menjadikan pengangkutan awam sebagai mod utama mobiliti dalam bandar.

Pelan spesifik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mensasarkan pengguna pengangkutan awam di Pusat Bandar kepada 60% dan luar Pusat Bandar sebanyak 40%. Inisiatif-inisiatif ke arah pencapaian matlamat ini adalah bermula dengan kawalan perancangan di mana untuk pembangunan baru dan pembangunan semula yang berada dalam sekitar 400 meter dari stesen transit, keperluan penyediaan tempat letak kereta dikurangkan antara 35% hingga 40%.

Selain dari itu DBKL juga telah menubuhkan satu jawatankuasa penyelarasan pembinaan MRT bagi memastikan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan agar sistem pengangkutan awam akan lebih efisien pada tahun 2017.

Dengan Pelan Strategik ini dijangkakan masalah lalulintas akan dapat dikurangkan dan aliran trafik akan menjadi lebih lancar.

Di sini saya ingin menyeru kepada semua penduduk Kuala Lumpur supaya mengubah gaya hidup dengan menjadikan pengangkutan awam sebagai sebahagian nadi kehidupan kota. Selain dari itu kita bersama-sama perlu menanamkan sikap bahawa apabila kita tidak membawa kenderaan dan menaiki pengangkutan awam sebenarnya kita telah memudahkan pengguna jalanraya yang lain. Utamakan orang lain dari diri sendiri.